



UiTM@Media

2016

Karya Inovasi

UiTM@Media
2016

SEJARAH LOGO HARI KEBANGSAAN SEJAK 1976



HASHIM menunjukkan salah satu logo rekaannya sempena Majlis Perasmian Logo Hari Kebangsaan di Galeri Shah Alam.



Idea muncul berdasarkan tema diberi Hashim Hassan

KISAH DI SEBALIK LOGO

■ Reka bentuk ringkas lambang Hari Kebangsaan terap ciri perpaduan bangsa kekalkan kemerdekaan negara



LUKISAN wujud untuk merasakan logo Hari Kebangsaan.
SEORANG pelajar melihat pameran logo Hari Kebangsaan di Galeri Shah Alam.



SEKUMPULAN pelajar teruja melihat pameran logo Hari Kebangsaan sempena Majlis Perasmian Logo Hari Kebangsaan di Galeri Shah Alam.



PEREKA logo Hari Kebangsaan tahun 1997, Muhamad Azid Abdul Latiff.



BERSAMBUNG
DI SEBELAH



Siraj Mohd Zaini
siraj@hmetro.com.my

Shah Alam

Reka bentuknya ringkas, tetapi maksud di sebalik setiap simbol yang ada pada setiap lakaran itu adalah perkara penting sebelum dipersembahkan kepada khalayak umum.

Logo Hari Kebangsaan yang diperkenalkan sejak 1976 sehingga kini sudah melalui pelbagai perubahan bentuk dan warna namun masih mengekalkan maksud yang menjurus kepada perpaduan negara.

Bagi Bapa Logo Hari Kebangsaan, Hasim Hassan, 78, cabaran menterjemah tema Hari Kebangsaan ke dalam bentuk logo adalah sesuatu yang menyeronokkan namun memerlukan ketelitian.

Beliau yang lapan kali dipilih mencipta logo Hari Kebangsaan itu berkata, idea mengenai reka bentuk sesuatu logo perlu diselaraskan dengan maksud tertentu supaya lebih memberi impak berkesan.

"Idea dan ilham itu muncul berdasarkan tema diberi. Saya kemudian menggambarkan menerusi rekaan dan maksudnya di atas kertas bersaiz poster berwarna yang kebanyakannya warna bendera negara iaitu biru, merah, kuning sebelum dipotong menjadi bentuk tertentu.

"Kebanyakan maksud lebih tertumpu kepada perpaduan bangsa dan mengekalkan kemerdekaan negara," katanya ketika ditemui Harian Metro selepas

menghadiri Pameran Logo Hari Kebangsaan 1976 - 2016 di Galeri Shah Alam di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Jailani Johari dan Pengarah Galeri Shah Alam Said Abu.

Menurut Hashim yang mencipta logo pada tahun 1980, 1981, 1983, 1984, 1985, 1986, 1987, dan 1991 itu, ia bukan soal bayaran atau pujian yang ingin diraih namun kepuasan diri apabila melihat logo diarak pada hari ulang tahun kemerdekaan negara.

Beliau yang juga bekas Profesor Madya di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Universiti Teknologi Mara (UiTM) tidak terkilan sekiranya sumbangannya selama ini tidak mendapat pengiktirafan sejawarnya daripada mana-mana pihak.

"Dulu, tiada sebarang bayaran dan saya hanya diberi sumbangan kadangkala RM100.

"Namun, saya tidak kisah kerana seorang dengan tanggungjawab yang diamanahkan ini. Sukar menggambarkan rasa bangga dan terharu diberi kepercayaan itu," katanya.

Sementara itu, Jailani berkata, generasi muda turut perlu menyumbang kepada penciptaan logo Hari Kebangsaan pada masa depan.

"Setiap logo mempunyai maksud tersendiri dan menerusi pameran ini, kita dapat berjumpa pencipta logo yang pernah mencipta logo Hari Kebangsaan pada tahun terdahulu."



“
Setiap logo mempunyai maksud tersendiri dan menerusi pameran ini, kita dapat berjumpa pencipta logo yang pernah mencipta logo Hari Kebangsaan pada tahun terdahulu”

Jailani Johari

UiTM@Media 2016

• **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

• **Ketua Projek**

Alfina Bakar

• **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

• **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminajah Salleh

• **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

• **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

• **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

• **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

